

CIMB AVIVA

Pelan Takaful Gadai Janji &
Pelan Takaful Pemilik Rumah Jangka Panjang

Memiliki sebuah rumah
tidak pernah semudah ini



CIMB AVIVA

CIMB Aviva Takaful Berhad (689263-M)
Level 8, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2612 3600 Faks: 03-2698 7035
www.cimbaviva.com

Pelan Takaful Gadai Janji & Pelan Takaful Pemilik Rumah Jangka Panjang

Pelan Takaful Gadai Janji (MRTT) dan Pelan Takaful Pemilik Rumah Jangka Panjang (LTHO) merupakan pelan pakej 2 dalam 1 yang direka oleh CIMB Aviva Takaful Berhad (CATB) eksklusif untuk peminjam pinjaman/pelanggan pembiayaan di Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia (BPP).

Kini, melalui pelan pakej 2 dalam 1 ini anda akan mendapat ketenangan fikiran kerana keluarga dan hartanah anda selamat dilindungi.



PELAN TAKAFUL GADAI JANJI

A. KELEBIHAN-KELEBIHAN

1. Ketenangan fikiran ke atas penjelasan baki pinjaman/pembiayaan tertakluk kepada jadual jumlah perlindungan berkurangan ke atas Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD).
2. Perlindungan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sehingga mencapai usia 65 tahun.
3. Tambahan Manfaat Khairat Kematian sehingga jumlah agregat RM3,000 untuk satu sijil.
4. Perlindungan tidak terhad ke atas perjalanan, kediaman atau pekerjaan.
5. Sumbangan tunggal yang mampu dibayar.
6. Apabila penjelasan awal ke atas pinjaman/pembiayaan dibuat, nilai serahan akan dibayar, sekiranya ada.
7. Permohonan/Pendaftaran yang mudah.

B. TERMA-TERMA PENGELUARAN

Ini merupakan Pelan Takaful Keluarga Gadai Janji Berkelompok Sumbangan Tunggal (MRTT) yang memberikan perlindungan ke atas Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

Untuk layak menikmati perlindungan MRTT, anda perlu memastikan yang anda telah menandatangani dan menghantar Surat Penerimaan pinjaman/pembiayaan kepada BPP*.

* Tertakluk kepada keperluan penajajaminan CATB

Kelayakan	Minimum	Maksimum
Umur Kemasukan	18 tahun	65 tahun mengikut hari jadi terdekat
Tempoh penanguhan (jika ada)	1 tahun	5 tahun
Tempoh Pinjaman/ Pembiayaan (Tertakluk pada pinjaman/ pembiayaan tetap)	3 tahun	25 tahun
Tempoh Takaful (Termasuk tempoh penanguhan)	3 tahun	30 tahun

C. BAYARAN SUMBANGAN & CAJ-CAJ

Sumbangan

Sumbangan tunggal dilunaskan secara sekaligus. Ia akan berbeza mengikut umur kemasukan, jumlah permulaan dilindungi, faedah pinjaman/kadar keuntungan pembiayaan, terma-terma pinjaman/pembiayaan dan tempoh penanguhan. (Sumbangan bersih akan diperuntukkan ke Akaun Peserta selepas ditolak Yuran Wakalah)

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah merupakan 20% daripada sumbangan MRTT dan dcaj untuk menampung belanja pengurusan dan komisyen.

Tabarru'


Pemotongan Tabarru' (derma) secara bulanan akan dibuat daripada Akaun Peserta dan akan dikreditkan ke dalam Dana Tabarru' Peserta untuk digunakan bagi membantu semua peserta yang ditimpa musibah. Amaun sebenar pemotongan bulanan Tabarru' bergantung pada umur kemasukan, kadar faedah pinjaman/kadar keuntungan pembiayaan, terma-terma pinjaman/pembiayaan dan tempoh penanguhan.

Perkongsian Lebihan

Sebarang pengagihan lebihan daripada Dana Tabarru' Peserta akan diagihkan seperti berikut:

Pengagihan Lebihan ke CATB	50%
Pengagihan Lebihan dikreditkan ke Akaun Peserta anda	25%
Dana Khas	25%

Diagram Konsep Takaful



D. PERLINDUNGAN UTAMA

Kematian

Jika berlaku kematian terhadap anda semasa tempoh takaful, manfaat kematian bersamaan dengan jumlah yang mana lebih tinggi di antara jumlah Perlindungan Berkurangan atau nilai Akaun Peserta anda, akan dibayar.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

Sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), manfaat TPD bersamaan dengan jumlah yang mana lebih tinggi di antara Jumlah Perlindungan Berkurangan atau nilai Akaun Peserta anda, akan dibayar.

TPD ditakrifkan seperti berikut dan akan diperincikan secara lanjut pada Penyata Maklumat Sijil anda:-

- **JIKA ANDA BEKERJA**, TPD merupakan hilang upaya menyeluruh dan kekal, yang menghalang anda daripada menjalankan sebarang bentuk kerja, perniagaan, pekerjaan atau profesion.

- **JIKA ANDA TIDAK BEKERJA**, TPD bermaksud ketidakupayaan kekal dan berterusan yang menghalang anda melakukan sekurang-kurangnya 3 Aktiviti Harian Utama seperti Memakai Baju, Mandi dan Makan.

Faedah Nilai Tambahan: Manfaat Khairat Kematian

CATB akan membayar Manfaat Khairat Kematian sekiranya berlaku kematian terhadap anda, pasangan suami/isteri atau anak-anak anda mengikut jadual di bawah:

Kematian	Manfaat Khairat Kematian akan dibayar (setiap orang)
Individu yang Dilindungi	RM1,000
Pasangan (seorang suami/isteri)	RM1,000
Anak-anak (sehingga 2 orang)	RM500 (dari umur 30 hari hingga 18 tahun untuk anak-anak yang bergantung kewangan dan sehingga umur 23 tahun untuk anak yang merupakan pelajar sepenuh masa)

Manfaat Nilai Tambahan merupakan perjanjian oleh CIMB Aviva Takaful Berhad dalam bentuk Hibah (hadiah) dan ia bukan merupakan sebahagian daripada kontrak Takaful Gadaai Janji.

Surat perjanjian dan Kontrak MRTT boleh dibaca di laman web www.cimbaviva.com

E. HAD PERLINDUNGAN UTAMA

PENGECUALIAN

a. Kematian

Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian disebabkan bunuh diri. Sekiranya kejadian seperti ini berlaku hanya nilai Akaun Peserta semasa kematian akan dibayar.

b. Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)

Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya kecacatan disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak); atau
- (ii) Berada di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan atau apa-apa narkotik atau dadah; atau
- (iii) Bunuh diri, cubaan membunuh diri (sama ada siaman atau tidak siaman), kecederaan pada diri sendiri kerana tindakan tidak bermoral atau disengajakan; atau
- (iv) Memasuki, mengendali atau menservis, naik atau turun dari atau menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara kecuali semasa anda berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh penerbangan penumpang komersial dalam penerbangan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang telah ditetapkan; atau
- (v) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang jenayah (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram; atau
- (vi) Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan; atau
- (vii) Penglibatan dalam sebarang aktiviti bawah air yang menyebabkan perlunya penggunaan alat-alat pernafasan buatan; atau
- (viii) Bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran melalui radio aktif dari sebarang bahan bakar nuklear atau dari sebarang sisa nuklear dari pembakaran bahan bakar nuklear. Hanya untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk sebarang proses tersendiri pembelahan nuklear.

F. TERMA-TERMA PENERBITAN

1. Penamatan

Perlindungan Takaful anda akan ditamatkan sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:

- (a) Pada akhir tempoh takaful seperti yang dicatatkan dalam Sijil Takaful; atau
- (b) Apabila Kematian anda atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal; atau
- (c) Apabila pembayaran nilai serahan dibuat.

2. Keperluan Penajaminan

BPP akan menasihati anda sekiranya anda perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan sebelum diterima untuk menyertai skim ini.

3. Risalah ini memberikan ringkasan ciri-ciri utama produk ini untuk tujuan pemberian maklumat dan bukan merupakan kontrak Takaful. Anda boleh merujuk pada Kontrak Utama yang terdapat di BPP untuk maklumat lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat produk.

A. KELEBIHAN

1. Pembaharuan tahunan tidak diperlukan.
2. Sumbangan tunggal yang mampu dibayar.
3. Perlindungan komprehensif

B. TERMA-TERMA PENGELUARAN

Jenis Pelan	Ini merupakan Sijil Takaful Am Pemilik Rumah Jangka Panjang Kumpulan Sumbangan Tunggal yang memberikan perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan ke atas hartanah.	
Manfaat	CATB akan membayar ganti rugi kepada anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan ke atas hartanah dilindungi yang disebabkan oleh Bencana-Bencana yang dilindungi di bawah Sijil.	
Tempoh Perlindungan	Tempoh perlindungan minimum dan maksimum yang ditawarkan oleh CATB adalah seperti berikut:	
	Tempoh Minimum Pinjaman/Pembiayaan	3 Tahun
	Tempoh Maksimum Pinjaman/Pembiayaan	30 tahun atau sehingga berumur 95 tahun, yang mana lebih awal

C. PERLINDUNGAN UTAMA

Perlindungan Standard	
Kebakaran, kilat, petir atau kebakaran bawah tanah	Letupan
Pesawat dan peranti udara lain dan/atau barang terhempas	Kesan Kerosakan
Letupan atau limpahan tangki air domestik, alat-alat atau paip	Ribut, siklon, taufan atau ribut angin
Gempa bumi atau letupan gunung berapi	Banjir
Kecurian	Kerugian sewa
Liabiliti Awam Peribadi	

D. HAD PERLINDUNGAN UTAMA

PENGECUALIAN

- a) Perang, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang sivil.
- b) Pemberontakan, rusuhan, kebangkitan tentera atau awam, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau darurat atau sebarang kejadian atau peristiwa yang menentukan pengisytiharan atau penguatkuasaan undang-undang tentera atau darurat.
- c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh terberhentinya kerja; atau melalui penyitaan, perampasan, pengambilan atau pemusnahan ke atas atau kerosakan hartanah dengan perintah Kerajaan, dejure atau de facto atau sebarang Majlis Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan sesebuah negara atau kawasan di mana hartanah itu mereput dengan sendirinya, panas semula jadi atau pembakaran tiba-tiba atau ia melalui proses pemanasan atau pereputan.
- d) Kerugian, kerosakan atau sebarang hal di luar jangkaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau ditimbulkan atau diakibatkan atau disebabkan oleh peralatan senjata nuklear.
- e) Kerugian, kerosakan atau sebarang hal di luar jangkaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau ditimbulkan dengan radiasi ion atau pencemaran keradioaktifan daripada minyak nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran minyak nuklear.
- f) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh ribut, siklon, taufan atau ribut angin terhadap sebarang bangunan yang sedang dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu, tingkap luar dan sebarang bukaan yang terdapat yang siap dan dilindungi daripada sebarang Bencana atau cerobong asap besi, bidai sengkup dan sebarang lekapan luaran atau aksesori termasuk pintu pagar dan pagar.
- g) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali apabila disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.

E. BAYARAN SUMBANGAN & CAJ-CAJ

Sumbangan

Sumbangan tunggal dilunaskan secara sekaligus. Ia akan berbeza mengikut jumlah perlindungan, tempoh pinjaman/pembiayaan dan kadar sumbangan.

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah akan ditolak terlebih dahulu daripada sumbangan.


Pelan	Yuran Wakalah (Dari Sumbangan)
Pemilik Rumah Jangka Panjang Takaful	30%

Perkongsi Lebihan

Sebarang perkongsian lebihan daripada Dana Umum Takaful (GTF) akan diagihkan seperti berikut:

Agihan Lebihan kepada Operator (Yuran Prestasi Dana)	50%
Agihan Lebihan kepada Peserta Dibayar kepada peserta sekiranya lebihan adalah lebih dari RM10. Jika sebaliknya, ia akan kekal dalam GTF	50%

Diagram Konsep Takaful



F. TERMA-TERMA PENERBITAN

1. Hak ANDA sebagai Pemegang Sijil

Anda layak terhadap bahagian sumbangan takaful yang belum luput sebaik sahaja pembatalan sijil.

2. Penamatan

Perlindungan Takaful anda akan ditamatkan sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:

- Apabila tamatnya tempoh takaful seperti yang dinyatakan pada Sijil Takaful; atau
- Apabila rumah telah dijual; atau
- Pembayaran di atas pembatalan.

3. Keperluan Penajajaminan

BPP akan menasihatkan anda mengenai risiko yang dilindungi mengikut kategori bangunan.

SOALAN YANG SERING DITANYA MENGENAI MRTT & LTHO

1. Siapakah CIMB Aviva?

CIMB Aviva merupakan syarikat usahasama antara Kumpulan CIMB dan Aviva plc. Kumpulan CIMB adalah pembekal perkhidmatan kewangan yang kedua terbesar di Malaysia yang juga merupakan salah sebuah kumpulan perbankan yang terunggul di Asia Tenggara. Aviva adalah kumpulan insurans yang kelima terbesar di dunia* dan pembekal perkhidmatan insurans yang terbesar di UK.

Keistimewaan CIMB Aviva ialah ketersediaan, pengalaman dan kekuatannya.

ketersediaan - menawarkan rangkaian insurans hayat komprehensif dan produk-produk serta perkhidmatan Takaful di CIMB Bank dan CIMB Islamic yang beroperasi di atas dua platform perbankan di 367 cawangan di Malaysia.

pengalaman - berkongsi kepakaran global Aviva yang memberi perkhidmatan kepada 50 juta pelanggan seluruh dunia

kekuatan - melalui pengurusan dana Aviva berjumlah £381 bilion (RM2.34 trilion) pada 31 Disember 2008

* Berdasarkan premium kasar seluruh dunia pada 31 Disember 2007
 Purata kadar pertukaran 2008 1£ = RM6.15

2. Apakah yang dilindungi oleh Pelan Takaful Gadai Janji (MRTT)?

Pelan Takaful Gadai Janji CIMB Aviva memberikan manfaat takaful Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Sebagai tambahan kepada yang di atas, manfaat Khairat Kematian juga akan dibayar ke atas kematian anda, pasangan suami atau isteri atau anak-anak anda, tertakluk kepada pembayaran agregat maksimum RM3,000 setiap sijil.

3. Bilakah perlindungan MRTT bermula?

Perlindungan MRTT akan bermula dari tarikh anda menerima surat tawaran pinjaman/pembiayaan daripada BPP.

4. Apakah yang dilindungi oleh Pelan Takaful Pemilik Rumah Jangka Panjang (LTHO)?

Pelan Takaful Pemilik Rumah Jangka Panjang CIMB Aviva memberikan perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan ke atas hartanah semasa tempoh takaful.

5. Adakah saya akan mendapat pampasan sepenuhnya ke atas kerugian atau kerosakan yang berlaku ke atas hartanah yang dilindungi?

Pembayaran pampasan maksimum adalah terhad ke atas jumlah hartanah dilindungi atau nilai pasaran hartanah, mengikut yang mana lebih rendah. Untuk itu, anda dinasihatkan untuk memastikan perlindungan adalah cukup dengan mengemaskini jumlah hartanah dilindungi mengikut nilai pasaran dengan kos tambahan dari masa ke semasa.

MAKLUMAT LANJUT

Anda boleh merujuk Kontrak Utama yang terdapat di BPP untuk maklumat lanjut mengenai pelan pakej 2 dalam 1 ini.

Anda seharusnya memastikan yang pelan ini bersesuaian dengan keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah kontrak ini merupakan amaun yang anda mampu bayar.

Anda boleh menghubungi
CIMB Aviva Takaful Berhad
untuk nasihat dan maklumat lanjut dengan menghubungi
talian Khidmat Pelanggan Careline: **1-300-88-5055**

Penafian: Risalah ini memberikan ringkasan ciri-ciri utama produk ini untuk tujuan pemberian maklumat dan bukan merupakan kontrak Takaful.